

## **KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Syarikat Bumiputera Tempatan yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **020601-ALAT TULIS (TIDAK TERMASUK BORANG DAN SEMUA JENIS KERTAS)** yang masih sah laku tempoh pendaftarannya untuk perkhidmatan berikut:

### **SEBUTHARGA MEMBEKAL ALAT TULIS DI MAJLIS DAERAH TAPAH UNTUK TAHUN 2019-2021 (24 BULAN)**

2. Borang sebutharga boleh diperolehi di JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN mulai **13 Mac 2019 (Rabu) pada waktu pejabat** dengan **harga RM30.00 sahaja** dan perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:-
  - 2.1 Sijil Asal Pendaftaran Bidang Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah laku pendaftarannya beserta cop syarikat ;
  - 2.2 Sijil Asal Pendaftaran Perniagaan/ Syarikat yang dikeluarkan oleh Pendaftar Perniagaan/ Pendaftar Syarikat yang masih sah laku pendaftarannya ;
  - 2.3 Sijil Asal Pendaftaran Perniagaan / Syarikat dan Sijil Asal Pendaftaran Bidang hendaklah ditunjukkan dengan sempurnanya semasa mengambil dokumen sebutharga ; dan
  - 2.4 Borang sebutharga tidak akan dikeluarkan kepada mana-mana Syarikat / Pengusaha yang gagal mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran seperti yang ditetapkan.
3. Borang sebutharga yang telah diisi dengan lengkap dan bertandatangan hendaklah dihantar menggunakan sampul surat berlakri dengan menulis; **SEBUTHARGA MEMBEKAL ALAT TULIS DI MAJLIS DAERAH TAPAH UNTUK TAHUN 2019-2021**

**YANG DIPERTUA  
Majlis Daerah Tapah  
35000 Tapah, Perak Darul Ridzuan.**

4. Tarikh tutup sebutharga pada **21 MAC 2019 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAHARI**. Syarikat/Pengusaha adalah dinasihatkan supaya mengemukakan tawaran mereka dan hendaklah sampai pada atau sebelum masa dan tarikh tutup tawaran tersebut. Mana-mana sebutharga syarikat/pengusaha yang diterima lewat dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TAPAH**